

**NO. SOALAN : 39**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN** : LISAN

**DARIPADA** : **YB DATO' MANSOR BIN OTHMAN [ NIBONG TEBAL ]**

**TARIKH** : **24 NOVEMBER 2015 (SELASA)**

**SOALAN** :

**YB Dato' Mansor bin Othman [ Nibong Tebal ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah unit rumah yang tergolong sebagai Projek Perbadanan PRIMA Malaysia (PRIMA) yang dirancang/sasar dibina dan yang telah siap pembinaannya di Pulau Pinang, mengikut kawasan-kawasan Parlimen.

**JAWAPAN: YB DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM,  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, setakat ini Anggota Perbadanan PR1MA telah meluluskan sebanyak 26,334 unit rumah untuk dibina di negeri Pulau Pinang. Jumlah ini adalah melebihi jumlah yang telah diumumkan oleh YAB Perdana Menteri pada tahun 2012 iaitu untuk membina 20,000 unit rumah murah dan mampu milik di negeri Pulau Pinang. Jumlah unit yang diluluskan ini juga dijangka akan meningkat mengikut kekerapan Mesyuarat Anggota Perbadanan PR1MA yang diadakan dari semasa ke semasa.

Kesemua projek – projek ini berada dalam pelbagai peringkat. PR1MA bersedia dan sentiasa terbuka bagi mengadakan rundingan dan perbincangan dari semasa ke semasa bersama Kerajaan Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan dalam memastikan pembangunan PR1MA dapat dijayakan demi kemaslahatan rakyat khususnya penduduk di negeri Pulau Pinang.

Sekian. Terima kasih.